PRO-NET
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD

# PRO-NET Menerajui Pelancaran dan Promosi Jenama Proton e.MAS

**SUBANG JAYA, 28 Jun 2024** – PRO-NET, sebuah anak syarikat automotif kereta nasional PROTON, telah mengambil alih pengurusan jenama e.MAS, penambahan terbaru di dalam portfolio kenderaan elektrik (EV) mereka selepas pelancaran rasmi jenama e.MAS pada 12 Jun 2024.

PRO-NET telah diberikan tanggungjawab yang penting dalam membangunkan jenama e.MAS bagi mengukuhkan pasaran dan bersiap sedia untuk pelancaran produk yang akan datang. Tanggungjawab ini termasuklah merekrut sebuah pasukan yang berdedikasi, menubuhkan rangkaian pengedar yang kukuh serta menjalinkan kerjasama dengan syarikat pengecas bagi memastikan ekosistem EV berjalan dengan lebih lancar.

Melihat rekod prestasi daripada pelancaran smart #1 yang kini menjadi pesaing utama dalam segmen SUV Premium dan juga pengenalan smart #3 yang akan datang, PRO-NET telah bersiap sedia untuk menerajui jenama Proton e.MAS. PRO-NET akan memanfaatkan rangkaiannya yang kukuh, berserta pengembangan platform digitalnya dan juga kakitangan yang pakar dalam teknologi EV bagi memastikan e.MAS bukan sahaja dapat menyaingi tetapi juga melepasi kejayaan yang diperlihatkan model jenama smart dalam lanskap EV.

Dr. Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, menyatakan keyakinannya terhadap keupayaan PRO-NET. "Kepakaran yang telah dibangunkan oleh PRO-NET sepanjang dua tahun lepas meletakkan kami pada kedudukan yang unik bagi mengangkat jenama Proton e.MAS ke barisan hadapan dalam industri EV di Malaysia. Bakal pelanggan kami bukan sahaja akan mendapat manfaat daripada rangkaian perkhidmatan yang menyeluruh, malah, melebihi jangkaan mereka, sama seperti pemilikan pengalaman premium yang disediakan kepada pemilik kenderaan smart." Kata Dr. Li.

Keterujaan terhadap jenama e.MAS jelas dilihat apabila lebih dari 25,000 peserta telah menyertai peraduan meneka jenama baru tersebut. PRO-NET dengan sukacitanya mengumumkan para pemenang pertandingan ini:

- Hadiah Utama sebanyak RM5,000 dimenangi oleh Puteri Hanna Batrisha binti Ibrahim
- Hadiah Naib Johan sebanyak RM1,500 dimenangi oleh Noor Hidayah Binti Mohd Rodzi
- Hadiah Ketiga sebanyak RM1,000 dimenangi oleh Ahmad Norrizzuan Bin Noor Azhar

Selain itu, PRO-NET mengumumkan bahawa akaun media sosial rasmi Proton e.MAS kini aktif dengan nama pengguna "Proton e.MAS Cars" di Facebook dan Xiaohongshu. "@protonemasofficial" di Instagram dan TikTok. Ikuti kami di semua platform sosial media ini untuk mendapatkan maklumat terkini dan perkembangan terbaru.

-Tamat-

**Mengenai Proton New Energy Technology Sdn Bhd**
Ditubuhkan pada 16 Ogos 2022, syarikat ini adalah anak syarikat milik Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd. Syarikat ini adalah pengedar eksklusif kenderaan Proton e.MAS di Malaysia, serta jenama smart untuk Malaysia dan Thailand. Misi PRO-NET adalah untuk menjadi peneraju dalam ekosistem tenaga baru untuk penyelesaian automotif.

Skop perniagaan syarikat ini merangkumi pengedaran Kenderaan Tenaga Baru (NEV), penyediaan penyelesaian pengecasan EV, pembekalan alat elektronik dan penyelesaian mobiliti, penjualan aksesori dan barangan, serta perkhidmatan pemantauan data kepada pelanggan. Proton e.MAS merangkumi 17 pusat pengedar, dan smart merangkumi 13 pusat pengedar di seluruh negara.

smart #1 membuat penampilan sulung pada 23 November 2023, dan jenama Proton e.MAS dilancarkan pada 12 Jun 2024.

**Proton e.MAS**
Facebook: https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/
Instagram: https://www.instagram.com/protonemasofficial/
TikTok: https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/

**smart Malaysia**
Facebook: https://www.facebook.com/profile.php?id=100086465554162
Instagram: https://www.instagram.com/smart.malaysia/
TikTok: https://www.tiktok.com/@smartmalaysia



**Proton New Energy Technology Sdn Bhd** 202201030092 (1475789-X)
Centre of Excellence, KM 33.8 Westbound Shah Alam Expressway
47600 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**Issued by:**
**smart Malaysia I PRO-NET**
Salawati Mohd Yusoff
Chief Branding Officer
Telephone: +6012-2194581
Email: salawati@proton.com

Chongreena Cirikwong
Assistant Manager, Public Relations & Branding
Telephone: +60123017258
Email: reenacw@proton.com